



فچابهہ فریندھار ان نگری ترغکانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,

20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)

E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 5426



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: MY-AR 5426

PERB.TR.U/16/01/01/3 -(10)

Bertarikh : 21 Oktober 2014

Bersamaan : 26 Zulhijah 1435

Semua Ketua Jabatan Negeri,
Terengganu.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Yang Berkennaan Sahaja.

Tuan/Puan,

GANGGUAN PENGGUNAAN SISTEM SPEKS

Adalah dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa gangguan penggunaan Sistem SPEKS telahpun berlaku mulai 25 September 2014 dan masalah ini lebih ketara lagi apabila Sistem SPEKS tidak boleh dibuka pada 1 Oktober 2014 berlarutan hingga 14 Oktober 2014 yang berpunca daripada masalah teknikal. Walaupun Sistem SPEKS ini telah berjaya diaktifkan pada 14 Oktober 2014 namun ianya masih tidak stabil dan memerlukan sedikit masa untuk kembali beroperasi secara normal.

3. Sehubungan itu, Arahan Perbendaharaan 103 (A.P.103) telahpun menetapkan semua bil/invois disampaikan tidak lewat daripada bulan yang berikutnya dengan barang/ perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna. Semua bil-bil hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya disampaikan. Oleh itu, dengan gangguan yang berlaku maka semua jabatan/PTJ akan mengalami masalah bagi mematuhi kehendak A.P. 103 tersebut.

4. Lanjutan daripada gangguan Sistem SPEKS tersebut, semua Jabatan/PTJ hendaklah mengambil langkah-langkah bagi memastikan proses perakaunan dapat dikemaskini. Diantara langkah-langkah yang perlu diambil adalah sebagaimana berikut:

4.1. Mana-mana transaksi dokumen kewangan yang dilakukan pada 30/9/2014 hendaklah di semak semula bagi memastikan status dokumen tersebut kerana bermula pada 1 Oktober 2014 hingga 14 Oktober 2014, Sistem SPEKS tidak dapat diaktifkan langsung. Pihak kami mendapati terdapat dokumen yang disediakan pada 30/9/2014 tidak disimpan didalam Sistem SPEKS. Oleh yang demikian, kerjasama dari semua Jabatan/PTJ amatlah diperlukan bagi menyemak status semua dokumen yang diinput di dalam sistem SPEKS pada 30/9/2014.

4.2. Sekiranya dokumen tersebut telahpun bertukar status ataupun tiada dalam rekod, maka tindakan mengemaskini hendaklah dilakukan semula dari segi Penyediaan, Semakan dan Kelulusan dokumen tersebut.

5. Segala kemosyikilan berkenaan dengan perkara ini bolehlah berhubung terus dengan pegawai-pegawai di:-

**Bahagian Pengurusan Perakaunan,
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu.**

Telefon No. 09-6231957 Sambungan 6269/6254/6255

Sekian, terima kasih.

“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN ”

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menurut perintah,



(NOR BAIZURA BINTI ISHAK)

Penolong Bendahari Negeri
b.p.Pegawai Kewangan Negeri,
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Negeri
Terengganu.

Akauntan Negara Malaysia,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Kuala Lumpur.

(U/P: Bhg. Penyelarasan Akauntan Negeri dan Bendahari Negeri)

Bendahari Negeri,
Terengganu.

Pengarah Audit Negeri,
Terengganu.

Fail timbul